

40 keluarga di Bachok, PCB cemas

KOTA BHARU - Lebih 40 keluarga di pesisir pantai Bachok dan Pantai Cahaya Bulan (PCB), dekat Kota Bharu cemas apabila rumah mereka dilanda limpahan air laut selama tujuh jam berikutan fenomena air pasang besar.

Di Bachok, kawasan terlibat ialah Kampung Pantai Damak, Kampung Perupok, Kampung Kubang Golok, bandar lama Bachok berhampiran Pantai Irama, Kampung Tok Burung

dan Kampung Tanjung Chat.

Beberapa kawasan riadah di PCB turut musnah dipukul angin dan ombak besar dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 8 malam kelmarin.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kelantan, Mohamed Rosle Mamat meminta orang ramai tidak menghampiri pantai ekoran fenomena air pasang yang dijangka berlaku sehingga Khamis ini.



Guni berisi pasir diletakkan sebagai benteng mengelak rumah penginapan di Tanjung Chat Beach Resort, Bachok, runtuh.